

Info

OPR

→ **OPR diturunkan** sebanyak 25 mata asas kepada 3 peratus pada minggu lalu

→ **Kali terakhir** kadar diturunkan pada 2009
→ **Pelarasan terakhir** dibuat pada Julai 2014

Hutang isi rumah dijangka kekal paras berhemat

→ Bank Negara sentiasa pantau pastikan terkawal, tak jejas ekonomi

Oleh **Mahanum Abdul Aziz**
mahanum_aziz@bh.com.my

Hutang isi rumah di negara ini dijangka kekal pada paras berhemat menerusi langkah proaktif yang diperkenalkan Bank Negara Malaysia sebelum ini, meskipun kadar faedah diturunkan.

Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Muhammad Ibrahim, berkata bank pusat sentiasa memantau perkembangan hutang isi rumah tempatan bagi memastikan ia terkawal dan tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi.

Tambahan pula, katanya, selagi ada peningkatan dalam jumlah pekerjaan dan pendapatan di negara ini, hutang isi rumah dapat dikawal.

Beliau berkata, ada banyak

cara yang boleh dilaksanakan bank pusat dalam menguruskan hutang isi rumah tempatan, termasuk menerusi langkah makro berhemat.

Langkah makro berhemat

"Bank Negara sudah melaksanakan langkah makro berhemat beberapa tahun lalu dengan mengeluarkan garis panduan pembiayaan kepada bank yang membantu mereka menjadi berhemat dan merancang strategi yang sejajar dengan perniagaan mereka.

"Berdasarkan jangkaan kami, kadar pekerjaan dan pendapatan rakyat akan terus berkembang tahun ini dan 2017.

"Saya berpendapat jika ada dua faktor ini, kadar hutang isi rumah akan kekal pada paras berhemat," katanya mengulas kesan pengurangan kadar

dasar semalam (OPR) terhadap hutang isi rumah.

Beliau berkata demikian pada sidang media mengumumkan Laporan Tahunan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) 2015 di Labuan, semalam.

Mengenai keputusan menurunkan OPR pada minggu lalu, Muhammad berkata, ia langkah awal bagi memastikan ekonomi terus pada landasan pertumbuhan yang stabil.

Rangsang aktiviti ekonomi

Beliau berkata, langkah yang diambil bank pusat itu bukan kerana pihaknya mengunjurkan pertumbuhan akan lemah pada separuh kedua, sebaliknya mahu merangsang aktiviti ekonomi, dengan mewujudkan persekitaran pembiayaan lebih mantap.